

Dr. M: Metrik, waktu baru dijadikan bahan

KUALA LUMPUR, Jumaat.— Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini mengecam golongan yang menyebarkan fitnah terhadap Kerajaan dan mensifatkan mereka sebagai "sampah masyarakat."

Bellau menjangka, golongan tersebut akan menggandakan usahanya memfitnah pemerintah kerana menduga pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi.

Katanya, pilihanraya adalah umpama tanah subur bagi "sampah masyarakat" itu membiakkan fitnah mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, setiap hari golongan tersebut mencari apa sahaja yang hendak dijadikan bahan fitnah meskipun Islam menganggap fitnah itu lebih bahaya dari membunuh.

Bellau menegaskan demikian ketika merasmikan Seminar Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Risa di bangunan Ibu Pejabat Risa di sini, hari ini.

Seramai 800 peserta termasuk pekebun-pekebun kecil menyertai seminar empat hari itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, ketika Kerajaan melaksanakan sistem metrik, golongan tersebut mengecam kononnya Kerajaan berhasrat memudahkan orang Cina menipu orang Islam.

Di negara2 Islam

"Mereka ini lupa bahawa sistem metrik adalah sistem yang digunakan di kebanyakan negara Islam termasuk Arab Saudi."

"Apakah dengan menggunakan sistem metrik, kerajaan negara-negara berkenaan berhasrat menipu orang Islam", tanya Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, golongan tersebut mendakwa bahawa Kerajaanlah yang merancang kemasukan pendatang haram dari Vietnam ke negara ini dengan tujuan mengurangkan peratusan orang Melayu.

Persamaan waktu Semenanjung dengan waktu Sabah dan Sarawak, juga katanya, kononnya bertujuan mengelirukan orang Islam supaya tidak berbuat ibadat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, apabila Kerajaan menghapuskan cukai kamera untuk memperbaiki ekonomi negara, golongan ini secara sinis berkata, "kamera bukan boleh makan. Kalau harga beras turun, patutlah".

Pada masa yang sama, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, golongan inilah juga dahulunya bertanya "buat jalan di kampung bukan boleh makan, sambil

menunggang Honda di jalan-jalan tersebut," katanya sambil disambut dengan gelak ketawa.

Dengan tegas, Perdana Menteri berkata, "Orang seperti ini adalah 'sampah masyarakat.' Merekalah yang memburukkan nasib masyarakat. Merekalah yang menghalang kemajuan."

Sebaliknya, jika diperiksa, mereka tidak segan-segan mengecap nikmat hasil dari usaha-usaha atau aktiviti kerajaan yang mereka kutukkan itu.

Menjauhkan diri

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap rakyat akan berhati-hati dan menjauhkan diri dari golongan dengan fitnah-fitnah mereka itu.

Dalam perusahaan getah, Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut satu keanehan yang berlaku dari segi pengeluaran di antara dua pertiga tanah kebun getah dimiliki oleh pekebun kecil dan satu pertiga oleh estet besar.

Katanya, pengeluaran hasil getah dari kedua pihak itu adalah disebaliknya di mana satu pertiga adalah dari pekebun kecil dan dua pertiga pula dari estet-estet besar.

Bellau berkata, berlaku keanehan ini ialah disebabkan cara dan teknik penanaman dan pemeliharaan kebun getah oleh pekebun kecil yang tidak mengikut amalan-amalan yang baik yang dinasihatkan oleh pakar-pakar.

Meskipun Kerajaan telah mengambil sesuatu tindakan, prestasi yang baik tidak juga dicapai dan masih meminta bermacam lagi tindakan dari Kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jika seribu satu

tindakan lagi diambil oleh kerajaan pun, selagi pekebun-pekebun kecil tidak sanggup melakukan amalan yang baik, semua tindakan akan menjadi sia-sia.

Bellau berkata, jika mereka ingin mendapatkan pendapatan yang mencukupi, mereka perlulah menoleh ke arah lain untuk mencari sumber-sumber menambah pendapatan.

Nasihat pegawai

"Jika kita tidak dapat berfikir sendiri, ada pegawai Kerajaan yang diberi tugas untuk menasihati kita."

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap mereka tidak membenarkan iblis mempengaruhi supaya jangan bekerja, habiskan masa dengan bersembang dan berangan-angan.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulangi semua rakyat mempunyai berbagai peluang memperbaiki kedudukan ekonomi dan mutu kehidupan. Asalkan sanggup bekerja keras, sanggup melalui kesusahan, sanggup menggunakan segala pemberian Tuhan secara positif, adalah tidak sukar bagi setiap rakyat memperbaiki nasib mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir berharap, terutama pemaju-pemaju masyarakat dan pegawai-pegawai Risa yang menjadi agen-agen perubahan di peringkat akar umbi supaya menyebarkan 'formula' atau ramuan yang boleh dijadikan teras kejayaan.

"Saya ingin melihat kemampuan ekonomi luar bandar yang meningkat dengan berbagai kegiatan pertanian dan perusahaan berasaskan pertanian yang dapat bertanding dalam pasaran moden dalam masa sesingkat-singkatnya," tegas Perdana Menteri.